

## info

## PENYAKIT ANJING GILA

- Kes penyakit anjing gila atau rabies terakhir dilaporkan membabitkan haiwan adalah pada tahun 1999 dan membabitkan manusia pada tahun 1998.
- Kes gigitan anjing liar terbaru dicatatkan di Perlis (22 kes), Kedah (5) dan Pulau Pinang (2).
- Penyakit anjing gila disebabkan virus yang menyebabkan radang akut pada haiwan berdarah panas.
- Penyakit ini boleh merebak daripada satu spesies kepada satu spesies lain seperti daripada anjing kepada manusia.
- Biasanya disebabkan gigitan atau air liur haiwan berjangkit yang menembusi kulit melalui jilatan di tempat luka.
- Untuk manusia, penyakit anjing gila hampir selalunya membawa maut. Virus penyakit ini menjangkiti sistem saraf pusat, akhirnya menyebabkan penyakit pada otak dan kematian.
- Tempoh pengemaran: 3 hingga 8 minggu, seawal-awalnya 9 hari atau selewat-lewatnya 7 tahun.
- Di kawasan yang biasa terdapat jangkitan (kawasan endemik), pelawat berisiko mendapat jangkitan jika berhubung kait dengan haiwan liar atau haiwan peliharaan termasuk anjing dan kucing.

## 3 negeri diisytihar wabak anjing gila

**TAIPIING 17 Sept.** - Penyakit anjing gila atau rabies yang kali terakhir melanda negara pada tahun 1999 kembali lagi apabila Perlis, Kedah dan Pulau Pinang diisytihar sebagai kawasan wabak jangkitan tersebut.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, pewartaan itu telah diisytihar di negeri Perlis pada 19 Ogos lalu sementara Kedah dan Pulau Pinang bermula hari ini.

Beliau berkata, pewartaan itu dibuat susulan wujudnya kes positif anjing gila yang dikesan Jabatan Perkhidmatan Veterinar pada 17 Ogos lalu di Perlis diikuti Kedah pada Ahad lalu dan kemudiannya di Pulau Pinang.

"Sehubungan itu, 200 kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah dikerahkan untuk membantu mengawal keadaan di tiga negeri tersebut di samping pihak lain termasuk anggota pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Kementerian Kesihatan.

"Saya juga telah meminta Jabatan Perkhidmatan Veterinar mengeluarkan kenyataan mengenai perkembangan terbaru setiap hari supaya orang ramai lebih berhati-hati," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

melawat rumah keluarga nelayan yang meninggal dunia baru-baru ini di Kuala Larut, Matang di sini hari ini.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (Pembangunan), Datuk Dr. Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, sebanyak 22 mangsa gigitan anjing liar dicatatkan di Perlis, diikuti lima di Kedah dan dua di Pulau Pinang.

"Dua mangsa di Pulau Pinang terdiri daripada seorang kakitangan PBT dan seorang kanak-kanak yang digigit di Balik Pulau pada 13 September lalu.

"Sebanyak 65 sampel otak anjing masing-masing telah diambil di Kedah dan Perlis. Setakat ini, 17 disahkan positif di Kedah dan lapan lagi di Perlis. Daripada jumlah lapan sampel positif di Perlis, empat adalah anjing liar dan empat lagi merupakan anjing yang mempunyai pemilik," katanya.

Penyakit anjing gila yang disebabkan oleh jangkitan *Lysavirus*, berjangkit melalui luka gigitan terbuka pada kulit atau permukaan mukosa daripada air liur, cairan atau tisu tubuh yang berjangkit.

Haiwan yang terjangkit akan menggigit semua binatang, manu-

sia serta objek bergerak di sekelilingnya sekali gus menjadi lumpuh atau dungu sebelum maut.

Pada tahap tersebut, risiko jangkitan terhadap manusia sentiasa wujud.

Sehubungan itu, Quaza Nizamuddin menasihatkan semua pemilik anjing terutamanya di tiga negeri berkenaan supaya menjaga haiwan peliharaan masing-masing di rumah selain mendapatkan suntikan vaksin di pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar daerah.

Menurut beliau, strategi utama pihaknya adalah melakukan kawalan melalui pemusnahan anjing terbiar selain meningkatkan aktiviti pemvaksinan kerana tidak mahu penularan itu merebak turun menjangkau Seberang Perai Utara.

"Di Perlis, beberapa kawasan yang terlibat ialah di Lubuk Sireh, Kaki Bukit, Kubang Tiga, Panggas Besar, Guar Nangka dan Pauh sementara di Kedah membabitkan Kubang Pasu dan Kota Setar.

"Oleh itu, kita juga telah melakukan beberapa langkah pembasmian lain melibatkan kempen kesedaran awam termasuk kawalan import, kuarantin dan pengezonan," katanya.



#### Tanda-tanda dan gejala

- > Tanda-tanda awal termasuk rasa bimbang, sakit kepala, demam, lesu dan perubahan deria di sekitar tempat gigitan.  
\*Mudah terangsang, berhalusinasi dan berasa takut pada tiupan angin (*aerophobia*). Sesetengahnya berasa gerun atau bencikan air (*hidrofobia*) disebabkan kekejangan otot kerongkong yang sakit ketika menelan. Pada peringkat seterusnya, pesakit menjadi celaru, mengalami sawan sehingga boleh membawa maut.
- > Jenis *rabies* yang dinamakan *paralytic rabies* (sawan lumpuh) mempunyai tanda dan gejala seperti kehilangan deria, lemah badan, badan berasa sakit, dan lumpuh.

#### Komplikasi

- > Sukar bernafas sehingga menyebabkan kematian.

#### Rawatan

- > Rawat luka dengan segera, basuh luka dengan sabun dan air atau air sahaja. Selepas itu, sapukan etanol (70%) atau tinktur atau larutan iodine akueus atau iodine povidone.

#### Langkah berjaga-jaga

- > Elakkan memegang haiwan liar dan haiwan peliharaan yang sesat terutamanya anjing dan kucing di kawasan endemik.
- > Jika seseorang digigit oleh haiwan yang mungkin dijangkiti atau berhubung kait dengan seseorang yang disyaki menghidap penyakit anjing liar, segera bersihkan luka dengan sabun dan air. Seterusnya, segera dapatkan rawatan doktor.



AHMAD SHABERY CHEEK (tengah) menyampaikan insurans kemalangan nelayan kepada Low Chye Hock (dua dari kanan) iaitu bapa mendiang Low Tze Kian yang meninggal dunia semasa menangkap ikan di Jalan Telok Kertang, Matang, Taiping, Perak, semalam. - UTUSAN/HANAFI KHAMIS

## Kesedaran kepentingan insurans perlu dipertingkatkan

**TAIPING 17 Sept.** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mahu meningkatkan kesedaran melibatkan golongan nelayan di negara ini dalam penggunaan jacket keselamatan serta perlindungan membabitkan polisi insurans.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, bagi merealisasikan hasrat tersebut, pihaknya akan berbincang dengan semua pihak termasuk persatuan nelayan, pemimpin masyarakat serta pengendali syarikat insurans bagi memudahkan pengambilan insurans termasuk bot-bot.

"Saya tahu ada syarikat-syarikat

insurans yang enggan membenarkan pengambilan insurans untuk bot-bot kayu. Oleh itu, kita akan melakukan rundingan bagi mencari kaedah terbaik dengan mereka.

"Hal ini kerana pengambilan insurans merupakan amalan terbaik yang dilakukan di negara-negara perikanan yang maju," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menziarahi keluarga awak-awak, Low Tze Kian yang meninggal dunia ketika menangkap ikan pada 24 Ogos lalu di Kuala Larut, Matang di sini hari ini.

Dalam pertemuan itu, Ahmad Shabery turut menyampaikan cek Skim Insurans Nelayan bernilai RM102,500 kepada keluarga mangsa.

Dalam pada itu, beliau berkata, bermula Mei tahun lepas sehingga Mei lalu, sebanyak 307 kes telah menerima insurans pampasan kematian di laut melibatkan para nelayan berjumlah RM1.87 juta.

"Sekurang-kurangnya pampasan kematian ini dapat meringankan bebanan keluarga mangsa terutamanya golongan nelayan yang saban hari menyabung nyawa di laut," katanya.



#### Tanda-tanda dan gejala

- > Tanda-tanda awal termasuk rasa bimbang, sakit kepala, demam, lesu dan perubahan deria di sekitar tempat gigitan.  
\*Mudah terangsang, berhalusinasi dan berasa takut pada tiupan angin (*aerophobia*). Sesetengahnya berasa gerun atau bencikan air (*hidrofobia*) disebabkan kekejangan otot kerongkong yang sakit ketika menelan. Pada peringkat seterusnya, pesakit menjadi celaru, mengalami sawan sehingga boleh membawa maut.
- > Jenis *rabies* yang dinamakan *paralytic rabies* (sawan lumpuh) mempunyai tanda dan gejala seperti kehilangan deria, lemah badan, badan berasa sakit, dan lumpuh.

#### Komplikasi

- > Sukar bernafas sehingga menyebabkan kematian.

#### Rawatan

- > Rawat luka dengan segera, basuh luka dengan sabun dan air atau air sahaja. Selepas itu, sapukan etanol (70%) atau tinktur atau larutan iodine akueus atau iodine povidone.

#### Langkah berjaga-jaga

- > Elakkan memegang haiwan liar dan haiwan peliharaan yang sesat terutamanya anjing dan kucing di kawasan endemik.
- > Jika seseorang digigit oleh haiwan yang mungkin dijangkiti atau berhubung kait dengan seseorang yang disyaki menghidap penyakit anjing liar, segera bersihkan luka dengan sabun dan air. Seterusnya, segera dapatkan rawatan doktor.



AHMAD SHABERY CHEEK (tengah) menyampaikan insurans kemalangan nelayan kepada Low Chye Hock (dua dari kanan) iaitu bapa mendiang Low Tze Kian yang meninggal dunia semasa menangkap ikan di Jalan Telok Kertang, Matang, Taiping, Perak, semalam. - UTUSAN/HANAFI KHAMIS

## Kesedaran kepentingan insurans perlu dipertingkatkan

**TAIPING 17 Sept.** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mahu meningkatkan kesedaran melibatkan golongan nelayan di negara ini dalam penggunaan jacket keselamatan serta perlindungan membabitkan polisi insurans.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, bagi merealisasikan hasrat tersebut, pihaknya akan berbincang dengan semua pihak termasuk persatuan nelayan, pemimpin masyarakat serta pengendali syarikat insurans bagi memudahkan pengambilan insurans termasuk bot-bot.

"Saya tahu ada syarikat-syarikat

insurans yang enggan membenarkan pengambilan insurans untuk bot-bot kayu. Oleh itu, kita akan melakukan rundingan bagi mencari kaedah terbaik dengan mereka.

"Hal ini kerana pengambilan insurans merupakan amalan terbaik yang dilakukan di negara-negara perikanan yang maju," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menziarahi keluarga awak-awak, Low Tze Kian yang meninggal dunia ketika menangkap ikan pada 24 Ogos lalu di Kuala Larut, Matang di sini hari ini.

Dalam pertemuan itu, Ahmad Shabery turut menyampaikan cek Skim Insurans Nelayan bernilai RM102,500 kepada keluarga mangsa.

Dalam pada itu, beliau berkata, bermula Mei tahun lepas sehingga Mei lalu, sebanyak 307 kes telah menerima insurans pampasan kematian di laut melibatkan para nelayan berjumlah RM1.87 juta.

"Sekurang-kurangnya pampasan kematian ini dapat meringankan bebanan keluarga mangsa terutamanya golongan nelayan yang saban hari menyabung nyawa di laut," katanya.